

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PADA MAJLIS PELANCARAN SKIM AMANAH SAHAM WAWASAN 2020

TEMPAT: DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 28 AUG 1996

MASA:

1. Pada hari ini, kita akan menyaksikan pelancaran satu lagi skim saham amanah, iaitu Skim Amanah Saham Wawasan 2020 atau nama singkatannya Skim ASW 2020. Walaupun sehingga hari ini sudah banyak saham amanah dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri, Skim ASW 2020 ini merupakan satu skim yang istimewa kepada negara ini.

2. Kerajaan telah menubuhkan Permodalan Nasional Berhad sebagai satu alat terpenting dalam usaha untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru (DEB), iaitu dasar yang bertujuan menghapuskan kemiskinan di kalangan semua kaum dan menghapuskan pengenalan atau identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi. Apa yang didapati sebelum DEB dilaksanakan ialah pertumbuhan ekonomi kaum-kaum tidaklah seimbang dan tidak pesat. Rakyat Malaysia terbahagi kepada bumiputera yang kegiatan ekonomi mereka terhad kepada bercucuk tanam dan kerja-kerja buruh yang mendapat upah yang rendah. Hanya segelintir daripada mereka bekerja dengan Kerajaan dan mendapat upah yang sederhana. Bukan bumiputera pula cergas dalam bidang perniagaan dan perusahaan dan kegiatan-kegiatan lain yang biasanya memberi pendapatan yang lebih tinggi. Perbezaan kegiatan ekonomi ini merenggangkan kaum bumiputera daripada bukan bumiputera daripada segi fizikal dan pendapatan. Keadaan ini adalah tidak sihat dan dipercayai salah satu sebab rusuhan kaum meletus pada 1969.

3. Sebaliknya didapati apabila saham dan peluang perniagaan diberi kepada individu bumiputera, mereka sering menjual balik hampir semuanya kepada bukan bumiputera. Sebabnya ialah kerana mereka tidak mampu membiayai pendahuluan atau tidak cekap dalam mengurus pelaburan mereka. Dengan menjual balik saham dan peluang perniagaan kepada bukan bumiputera maka matlamat mengimbangkan pemilikan punca kekayaan antara kaum terjejas dan tidak dapat dicapai.

4. Sebagai satu cara untuk mengekalkan pemilikan bahagian-bahagian ekonomi yang diperuntukkan kepada bumiputera, Kerajaan menubuhkan sebuah `unit trust`

atau amanah saham yang dinamakan Amanah Saham Nasional (ASN) di bawah kelolaan PNB. Modal asas ASN dipinjamkan oleh Kerajaan untuk membeli saham-saham dan bumiputera dapat membeli unit-unit saham Amanah Saham Nasional ini tanpa memiliki modal yang besar. Dengan hanya RM10.00 sahaja pun mereka boleh memiliki 100 unit saham ASN. Saham-saham ini hanya boleh dijual balik kepada Amanah Saham Nasional. Dengan itu saham-saham yang diagih kepada bumiputera kekal di tangan institusi yang mewakili bumiputera dan individu bumiputera. Ini dapat menjayakan matlamat DEB.

5. Kejayaan Amanah Saham Nasional adalah luar biasa. Ia merupakan unit trust yang terbesar di dunia dengan jumlah pemegang saham lebih daripada empat juta dan nilai asas saham lebih daripada RM20 billion. Sumbangannya terhadap Dasar Ekonomi Baru amatlah besar. Demikianlah kejayaan Amanah Saham Nasional sehingga banyak Kerajaan asing yang menghadapi masalah agihan kekayaan antara kaum atau suku kaum yang tidak seimbang telah mengkaji sistem Amanah Saham Nasional ini sebagai satu cara untuk mengatasi masalah mereka.

6. Matlamat Dasar Ekonomi Baru belum tercapai sepenuhnya tetapi keadaan sekarang tidaklah seburuk keadaan semasa dasar tersebut dilancarkan lebih 25 tahun dahulu. Bersama-sama dengan pendekatan lain yang dicipta oleh Kerajaan, keadaan tidak seimbang antara kaum dalam bidang ekonomi telah banyak dikurangkan. Demikianlah hari ini sudah ada individu dan syarikat Bumiputera yang bukan sahaja tidak lagi menjual saham yang diperuntukkan kepada mereka, tetapi mereka sekarang mampu membeli saham-saham yang tidak dikhaskan kepada mereka, bahkan ada yang mampu membeli syarikat-syarikat milik bukan Bumiputera. Hari ini ketidakseimbangan ekonomi antara kaum di Malaysia tidak lagi ketara seperti sebelum Dasar Ekonomi Baru, walaupun belum tercapai peratusan yang ditetapkan oleh Dasar Ekonomi Baru. Di masa yang sama kemiskinan di kalangan semua kaum sudah dapat dikurangkan sehingga tinggal hanya 8.9 peratus sahaja.

7. Generasi yang terlibat dengan keadaan tidak seimbang antara kaum sudah pun agak tua. Sekarang generasi muda sudah mengambil alih dan mereka tidak terpisah mengikut kaum seperti generasi tahun lima puluhan atau enam puluhan. Tidaklah wajar keadaan dahulu dibebankan ke atas generasi muda sekarang. Layanan terhadap generasi muda daripada berbagai kaum tidak seharusnya sama seperti generasi tua. Lagi pun generasi muda sekarang lebih rapat dan mereka bergerak bersama dalam berbagai-bagai bidang.

8. Sekali lagi perlu ditekankan bahawa keadaan ini

belum menyeluruh. Masih terdapat perpisahan antara kaum yang mencerminkan keadaan tidak seimbang mereka. Dengan itu kita belum lagi dapat menamatkan Dasar Ekonomi Baru. Apa yang kita dapat buat ialah memberi layanan yang tidak terlalu berbeza antara belia daripada berbagai-bagai kaum.

9. Justeru itu, Kerajaan telah bersetuju supaya Permodalan Nasional Berhad menubuh dan menguruskan satu lagi saham amanah yang dikhaskan kepada generasi muda daripada semua kaum, sama ada Bumiputera atau bukan Bumiputera. Generasi ini akan dewasa menjelang tahun 2020, iaitu tahun yang telah kita cadangkan Malaysia mencapai taraf negara maju, Insya-Allah.

10. Permodalan Nasional Berhad dan Amanah Saham Nasional terbukti mampu memperbaiki keadaan yang tidak sihat yang sering berlaku dalam mana-mana masyarakat. Tidak ada masyarakat di dunia yang tidak menghadapi ketidakadilan sosial dan ekonomi. Oleh itu banyak cara-cara, bahkan ideologi yang telah dicipta untuk mengatasi masalah ketidakadilan dalam masyarakat. Komunisme dan Sosialisme adalah antara pendekatan yang bertujuan mengimbangkan nasib semua anggota masyarakat. 'Affirmative Action' yang telah dicuba di Amerika Syarikat juga adalah bertujuan mengatasi masalah yang sama. Cukai-cukai juga dicipta supaya perbezaan antara yang miskin dan kaya dapat dikurangkan. Tetapi kebanyakan daripada pendekatan-pendekatan ini telah gagal atau mencapai kejayaan yang tidak memuaskan.

11. Komunisme dan Sosialisme bukan sahaja gagal mengimbangkan nasib anggota masyarakat, tetapi ia menyebabkan penindasan yang ketara dan akhirnya kemiskinan bagi rakyat dan negara. Demikian juga dengan 'affirmative action' di Amerika Syarikat. Ia gagal kerana rakyat yang berada tidak sanggup membuat pengorbanan walaupun sedikit kononnya kerana sebarang pengorbanan oleh mereka adalah tidak demokratik. Demokrasi dianggap lebih penting daripada usaha menghapuskan ketidakadilan yang nyata berlaku dalam masyarakat berkenaan.

12. Cukai-cukai yang dikenakan kepada yang kaya untuk menolong yang miskin dapat mengurangkan sedikit keadaan tidak seimbang dan tidak adil dalam pembahagian kekayaan dalam masyarakat. Tetapi di Malaysia di mana keadaan yang tidak seimbang ini bukan semata-mata antara yang miskin dan kaya, tetapi antara kaum, cukai semata-mata tidak dapat mewujudkan keadilan sosial dan ekonomi dalam masyarakat. Oleh itu kita terpaksa cipta Dasar Ekonomi Baru sebagai alat dan pendekatan yang penting.

13. Keadaan yang terdapat sekarang dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia adalah lebih adil dan saksama daripada keadaan sebelumnya. Dasar Ekonomi Baru jelas lebih berjaya daripada Komunisme dan Sosialisme, daripada 'affirmative action' di Amerika Syarikat dan daripada sistem cukai pendapatan biasa. Sudah tentu orang barat yang gagal memperbaiki ketidakadilan sosial dan ekonomi dalam negara mereka tidak akan akui kenyataan ini. Mereka akan memburukkan Dasar Ekonomi Baru dan mengecamnya kerana kononnya tidak adil dan tidak demokratik. Mereka lebih rela melihat yang kaya menjadi lebih kaya dan yang miskin terus merana, terutama jika yang miskin ini terdiri daripada kaum atau kumpulan ethnik yang lain yang mereka pandang hina kerana warna kulit dan sebagainya.

14. Kejayaan Dasar Ekonomi Baru lebih mengagumkan kerana ia bukan sahaja dapat memperbaiki ketidakadilan ekonomi di antara kaum di Malaysia tetapi ia tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi di negara ini. Sebenarnya pertumbuhan ekonomi semasa Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan dan selepasnya mencatat satu rekod dunia dengan mencapai lapan peratus lebih tiap-tiap tahun. Sementara itu inflasi tidak melambung naik sepertimana yang diramalkan oleh pakar-pakar ekonomi.

15. Penggunaan saham amanah untuk mengagihkan kekayaan negara secara lebih sama rata juga menyumbang kepada pembangunan negara. Daripada tabungan wang yang tinggi di Malaysia yang telah meningkat kepada lebih daripada 30 peratus, 12 peratus adalah daripada saham-saham amanah. Angka ini sukar dicapai oleh negara-negara lain termasuk yang maju.

16. Tabungan yang besar ini mengurangkan kesan defisit dalam imbalan pembayaran (balance of payment deficit) yang dikatakan tinggi di negara ini. Defisit imbalan pembayaran ini menjadi masalah hanya jika tabungan adalah rendah. Ia tidak menjadi masalah yang boleh meruntuhkan ekonomi negara kerana tabungan kita besar. Ramalan kononnya Malaysia akan turut menjadi seperti Mexico adalah tidak berasas sama sekali dan nyata tidak berlaku kepada negara ini. Pakar-pakar Ekonomi Barat yang dengan sombongnya menyatakan pentadbiran ekonomi negara kita sebagai 'noddy nomics' sebenarnya mendedahkan kejahilan mereka. Mereka lupa bahawa negara mereka berkali-kali menghadapi masalah ekonomi yang merosot kerana Kerajaan mereka tidak cekap. Adakalanya mereka bekerja hanya tiga hari seminggu kononnya untuk memperbaiki ekonomi mereka. Adalah lebih baik pakar-pakar ekonomi Barat ini menumpukan perhatian untuk mengatasi masalah negara mereka daripada memberi "gratuitous comments and advice" kepada

orang lain. Seperti kata pepatah Melayu "Jangan jaga tepi kain orang" atau dalam bahasa Inggeris "Mind the edge of your own sarong", or Mind your own business.

17. Kita tidak sombong dengan kejayaan kita dan kita tidak berkata tidak ada pelajaran yang boleh kita pelajari daripada negara-negara lain. Sebab itu kita adakan 'Look East Policy' dan kita hantar rakyat kita untuk mempelajari dan memeriksa cara-cara masalah ditangani oleh negara dan bangsa asing. Tetapi pemilihan hendaklah dibuat oleh kita sendiri dan bukan dipaksa ke atas kita oleh orang yang angkuh dan sombong yang berpendapat mereka lebih tahu bagaimana mentadbir negara kita daripada kita sendiri. Apakah mungkin Malaysia mencapai kemajuan seperti sekarang jika kita masih ditadbir oleh penjajah?

18. Sementara kita tidak perlu sombong, kita perlu yakin akan kebolehan kita terutama dalam menangani masalah negara kita. Permodalan Nasional Berhad, Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera adalah ciptaan kita dan kita boleh berbangga dengan kejayaan pendekatan kita dalam menguruskan keadaan tidak seimbang dalam negara kita. Dalam pada itu kita jangan terlalu terikat dengan sesuatu pendekatan walaupun ia berjaya. Jika keadaan sudah berubah kita harus sanggup menukar pendekatan kita supaya sesuai dengan keadaan. Sepertimana bila berhadapan dengan masalah, kita tidak boleh teruskan dengan cara lama, demikian juga setelah berjaya mengatasi masalah, kita perlu menukar pendekatan kita. Lampu di malam yang gelap gelita boleh menyuluh jalan, tetapi lampu yang sama apabila sudah siang dan terang benderang tidak dapat memainkan peranan yang sama. Namun demikian kita tidak harus campakkan lampu penyuluh kita semasa kita guna penyuluh yang baru.

19. Oleh kerana Dasar Ekonomi Baru dan Permodalan Nasional Berhad telah berjaya kita harus berani mencipta pendekatan yang lain. Kita tidak akan hapuskan alat yang begitu berkesan seperti Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera tetapi sudah tiba masanya kita cuba memperluaskan sedikit liputan sistem saham amanah ini. Sebab itulah Kerajaan bersetuju supaya Permodalan Nasional Berhad menubuh dan menguruskan satu lagi saham amanah yang terbuka kepada semua kaum tetapi terhad kepada generasi muda. Ia bertujuan untuk merapatkan semua kaum menjelang 2020. Keluarga Skim Amanah Wawasan 2020 akan mempunyai 'stake' yang sama bukan sahaja dalam kejayaan Skim Amanah tetapi juga dalam kestabilan dan kemakmuran negara ini. Perdagangan berjaya bukan sahaja kerana kecekapan pengurusannya tetapi tertakluk kepada iklim persekitarannya. Jika

hari ini banyak syarikat di Malaysia berjaya dan mencapai keuntungan yang luar biasa, sebabnya ialah kerana iklim perdagangan di Malaysia membantu kejayaan perdagangan. Keluarga Skim Amanah harus sedar akan peranan penting yang dimainkan oleh iklim yang tersebut dan dengan itu menolong mengekalkan iklim ini. Dengan itu lebih mungkin kita mencapai Wawasan 2020.

20. Inilah sebabnya kita tubuhkan Skim Amanah Saham Wawasan 2020 atau Skim ASW 2020. Dengan harapan bahawa Skim ini akan berjaya, saya dengan sukacitanya melancarkan Skim ini dengan rasminya.